



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

STATUS MAS KAHWIN YANG DIBAYAR DALAM BENTUK CEK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti persoalan yang dikemukakan mengenai **Status mas kahwin yang dibayar dalam bentuk cek** dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. *Bank Draft* atau *cash cheque* (cek tunai) adalah sah untuk dijadikan sebagai kaedah bayaran mas kahwin (mahar) pengantin perempuan dengan syarat resit pindahan wang tunai (*transfer fund*) dilampir bersama dalam majlis akad nikah.
2. Sekiranya bayaran mas kahwin dalam bentuk *personal cheque*, ia tidak dianggap tunai kerana hanya sebagai *mock cheque*. Jika pihak pengantin lelaki telah membuat pindahan wang ke akaun pihak pengantin perempuan maka resit pindahan wang tersebut hendaklah ditunjukkan kepada Penolong Pendaftar Nikah, wali, pengantin perempuan atau wakil dalam majlis akad nikah tersebut sebagai bukti pindahan.
3. Penolong Pendaftar Nikah hendaklah menyemak dan memastikan wali, pengantin perempuan atau wakil sama ada bayaran mas kahwin telah dipindah ke dalam akaunnya. Sekiranya transaksi tersebut telah berjaya, mas kahwin itu dikira sebagai tunai namun jika sebaliknya ia dianggap sebagai hutang.

TARIKH KEPUTUSAN : 4 OGOS 2020